

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

www.mppp.gov.my

SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kelas berkenaan yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan masih dibenarkan untuk menyertai sebutharga seperti berikut :-

PERKARA	KELAYAKAN
SEBUTHARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMUNGGAH POKOK-POKOK DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG UNTUK TAHUN 2012	120201
Taklimat: Isnin, 13 Februari 2012, Bilik Mesyuarat, Tapak Semaian MPPP, Jalan Persiaran Kuari, Pulau Pinang Jam :10.00 Pagi	
Harga Dokumen : RM 10.00	
Tarikh Tutup : 20 Februari 2012 (Isnin), jam: 11.00 PAGI	

2. Pembekal diwajibkan menghadiri taklimat sebelum membeli dokumen sebut harga. Pembekal yang tidak menghadiri taklimat atau hadir selepas masa pendaftaran tidak layak mengambil bahagian dalam sebut harga ini.
3. Syarikat perlu berdaftar dengan Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui laman web ep.penang.gov.my untuk menyertai sebut harga. Dokumen sebut harga dijual secara 'on-line' melalui laman web tersebut dan perlu dibeli serta dimuat turun (download) melalui akaun ePerolehan masing-masing sebagai pengesahan pembelian
4. Dokumen meja boleh dilihat di Kaunter Urusetia Tender, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 17, KOMTAR pada waktu pejabat. [9.00 pagi – 4.00 petang].
5. Dokumen sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Kaunter Penerangan, MPPP, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang sebelum jam 11.00 pagi pada tarikh tutup yang berkenaan. Pertimbangan tidak akan diberi kepada sebutharga yang lewat diterima.
6. Syarikat yang menyertai sebutharga adalah dibenarkan untuk menyaksikan pembukaan sebutharga pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan. Pengumuman harga hanya akan di baca bagi sebutharga yang bersesuaian sahaja tertakluk kepada kebenaran/justifikasi Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga.
7. Syarikat yang menyertai sebutharga diwajibkan melengkapkan Surat Akuan Pembida.
8. Salinan sijil pendaftaran daripada Kementerian Kewangan Malaysia hendaklah disertakan bersama dengan dokumen sebutharga.
9. Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling terendah harganya atau sebarang sebutharga.

SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

Bertarikh : 30 Januari 2012